

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 (23)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

25 Ogos 2010

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 10 TAHUN 2010 : PEMANJANGAN
KEMUDAHAN PERUBATAN KEPADA KELUARGA BAGI PEGAWAI BUKAN
WARGANEGARA YANG DILANTIK SECARA KONTRAK DALAM SURAT
PEKELILING BILANGAN 6 TAHUN 2010**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2010 yang bermesyuarat pada 21 Julai 2010 telah bersetuju untuk menerima pakai Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2010 berkenaan pemanjangan kemudahan perubatan kepada keluarga bagi pegawai bukan warganegara yang dilantik secara kontrak.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 10 Tahun 2010 mengenai Pemanjangan Kemudahan Perubatan Kepada Keluarga Bagi Pegawai Bukan Warganegara Yang Dilantik Secara Kontrak untuk makluman dan tindakan tuan/puan seterusnya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k YH Dato' Naib Canselor

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 10 TAHUN 2010

**PEMANJANGAN KEMUDAHAN PERUBATAN KEPADA KELUARGA BAGI
PEGAWAI BUKAN WARGANEGARA YANG DILANTIK SECARA KONTRAK DALAM
SURAT PEKELILING BILANGAN 6 TAHUN 2010**

1.0 TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti bagi menerima Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2010 berkenaan pemanjangan kemudahan perubatan kepada keluarga bagi pegawai bukan warganegara yang dilantik secara kontrak.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Pegawai bukan warganegara yang dilantik secara kontrak diperuntukkan elaun dan kemudahan tertentu sebagaimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 – Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*).

2.2 Perkara 54 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 berkenaan Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*) menyatakan bahawa pegawai kontrak boleh dipertimbangkan kemudahan seperti berikut:

(Perkara 54.6) Rawatan Perubatan

- (i) Pegawai warganegara bukan pesara, pesara dan pegawai bukan warganegara layak diberi kemudahan rawatan perubatan percuma di hospital dan klinik Kerajaan;

- (ii) pegawai warganegara bukan pesara, pesara dan pegawai bukan warganegara akan dikenakan bayaran wad di hospital Kerajaan mengikut gred jawatan yang disandang;
- (iii) pegawai warganegara bukan pesara dan pesara layak mendapat kemudahan di perenggan (i) untuk diri sendiri dan ahli keluarga tetapi tidak termasuk ibu bapa;
- (iv) pegawai bukan warganegara layak mendapat kemudahan di perenggan (i) untuk diri sahaja;
- (v) pegawai pesara berpencen layak mendapat kemudahan rawatan perubatan percuma di luar negeri berdasarkan status pegawai sebagai pesara Kerajaan; dan
- (vi) pegawai warganegara bukan pesara, pesara tidak berpencen dan pegawai bukan warganegara tidak layak mendapat kemudahan rawatan perubatan percuma di luar negeri.

2.3 Keluarga/tanggungan pegawai bukan warganegara tidak layak mendapat rawatan perubatan percuma di perenggan 2.2 (i)

3.0 PELAKSANAAN

Pelaksanaan pemanjangan kemudahan perubatan kepada keluarga bagi pegawai bukan warganegara yang dilantik secara kontrak adalah seperti berikut;

- a. Ahli keluarga yang layak adalah terdiri daripada seorang suami atau isteri dan tiga orang anak yang berusia 18 tahun dan ke bawah yang diisytiharkan kepada Ketua Jabatan;

- b. Kemudahan perubatan yang ditanggung oleh Kerajaan adalah terhadap kepada yang disediakan oleh klinik/hospital Kerajaan sahaja (tidak termasuk Institut Jantung Sdn. Bhd.); dan
- c. Kemudahan perubatan tidak meliputi penyakit yang telah dihidapi oleh ahli keluarga bagi pegawai bukan warganegara yang dilantik secara kontrak sebelum pegawai dilantik dalam perkhidmatan. Bagi maksud tersebut, Ketua Jabatan hendaklah memastikan ahli keluarga bagi pegawai berkenaan menjalani pemeriksaan kesihatan dengan pengamal perubatan/pergigian berdaftar.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2010.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HAJJ MUSTAFA BIN IBRAHIM)
Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh :

Edaran Kepada.:

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan

Semua Pengarah/Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)